

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2021

HARI ISNIN : 8 NOVEMBER 2021

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 12 HINGGA NO. 33)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN ABDULLAH
(PETALING JAYA)**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

**PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan polisi Kerajaan dalam penggunaan
Akta Dadah Berbahaya 1952 pada masa yang sama tindakan-tindakan
diambil untuk melaksanakan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah
Pencegahan Khas) 1985 .**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sentiasa komited dalam usaha membanteras kegiatan pengedaran dadah di seluruh negara. Pelbagai kaedah dan mekanisme digunakan oleh Kerajaan untuk memerangi musuh nombor satu Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, polisi semasa Kerajaan pada ketika ini adalah dengan meneruskan penguatkuasaan Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi membanteras pengedaran dadah. Walau bagaimanapun, Akta Dadah Berbahaya (Langkah - Langkah Pencegahan Khas) 1985 akan digunakan bagi mencegah pengedaran yang berleluasa melalui maklumat risikan yang terperinci dan mendalam yang mensabitkan bahawa mereka terlibat dalam pengedaran atau sindiket dadah.

Di samping itu, kerajaan juga membuat sitaan harta melalui Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta 1988) Akta 340.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI
MASLAN (PONTIAN)**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana kaedah untuk mengawal harga rumah yang semakin meningkat dan apakah bentuk usaha subsidi kepada rakyat B40 dan termiskin untuk memiliki rumah serta cadangan Rumah Keluarga Malaysia seperti program terdahulu iaitu PR1MA, PPAM, RMR dan PPR.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam prinsip ekonomi yang sihat, produk yang dibekalkan ke pasaran seharusnya berdasarkan penawaran dan permintaan (*supply and demand*). Walau bagaimanapun, senario kini melihat pemaju membekalkan banyak kategori rumah di pasaran dan tidak menumpu kepada Rumah Mampu Milik (RMM) sahaja. Berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) terdapat peningkatan ketara bilangan unit dilancar bagi rumah berharga RM500,000 sehingga RM1 juta iaitu daripada 6.9% pada tahun 2009 kepada 28.7% pada tahun 2016.

Namun begitu, bagi Suku Kedua Tahun 2021 bilangan unit dilancar bagi segmen rumah berharga RM500,000 hingga RM1 juta adalah sebanyak 838 unit (17.3%). Penurunan bilangan unit yang dilancar bagi segmen ini menunjukkan pemaju sudah mula mengambil langkah berhati-hati untuk tidak membina lebih banyak rumah yang berharga RM500,000 dan ke atas. Lambakan rumah yang tidak terjual sedia ada di segmen tersebut adalah sebanyak 10,827 unit (34.8%). Ini menunjukkan terdapat lebihan bekalan pada segmen rumah yang berharga lebih mahal.

Antara langkah utama yang sedang diambil bagi mengurangkan ketidaksepadanan penawaran dan permintaan (*supply and demand*) dalam industri perumahan adalah:

- i. memperkenalkan peraturan/garis panduan kepada para pemaju perumahan untuk mengemukakan kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*) semasa memohon Kebenaran Merancang (KM). Hasil kajian ini dapat membantu mengelak daripada berlakunya sebarang pembangunan perumahan yang tidak sesuai dengan permintaan pasaran; dan
- ii. membangunkan sistem Analisis Data Raya (*Big Data Analytics*; BDA) Perumahan bagi mendapatkan gambaran sebenar kedudukan dan ketersediaan data berkaitan sektor

SOALAN NO : 13

perumahan di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian ini telah dimulakan pada bulan Februari 2021. Hasil kajian ini akan menentukan hala tuju pembangunan sistem BDA dengan objektif seperti berikut:

- a. membantu untuk mengetahui kedudukan pasaran perumahan hartanah yang lebih jelas dan tepat demi pembangunan sektor hartanah yang lestari dan efisien;
- b. menjadi input kepada pembangunan platform pusat pengumpulan data hartanah yang meliputi permintaan dan penawaran; dan
- c. membantu pihak Kerajaan dalam membuat keputusan di peringkat Persekutuan dan kerajaan negeri dalam penyediaan dasar dan perancangan perumahan negara secara lebih komprehensif.

Selaras dengan komitmen kerajaan dalam meningkatkan aksesibiliti perumahan oleh rakyat, kementerian bercadang untuk mewujudkan Panel Pemikir (Panel of Experts, POE) bagi membantu dan memberi nasihat kepada kementerian dalam pelbagai isu perumahan khususnya melibatkan kluster sosial, ekonomi dan geopolitik. Selain itu, POE juga dapat membantu merangka strategi pendekatan aksesibiliti perumahan ideal yang konklusif, praktikal dan mampan. Buat permulaan, POE ini akan membincangkan mengenai kaedah pembiayaan perumahan terutamanya bagi golongan muda.

Kerajaan juga komited menyediakan perumahan kepada kumpulan B40 dengan pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) secara berterusan. Program ini merupakan subsidi terbesar bagi pemilikan rumah awam kepada kumpulan B40. Terdapat dua (2) jenis PPR yang disediakan oleh Kerajaan iaitu PPR Dimiliki dan PPR Disewa. PPR Dimiliki merujuk kepada unit PPR yang dijual kepada pemohon yang berkelayakan manakala PPR Disewa ditawarkan kepada rakyat yang masih belum berkemampuan untuk memiliki kediaman sendiri.

SOALAN NO : 13

Sejak diperkenalkan pada tahun 1982 sehingga sekarang, terdapat 154 projek PPR Dimiliki dan PPR Disewa yang telah siap dibina dan melibatkan 97,196 unit rumah kepada golongan sasaran. Kumpulan ini boleh memiliki rumah PPR dengan harga RM35,000.00 di Semenanjung Malaysia manakala RM42,000.00 di Sabah dan Sarawak. PPR Disewa pula menawarkan kadar sewa serendah RM124.00 sebulan. Kerajaan juga telah memperkenalkan Program PPR Sewa untuk Milik (*Rent to Own*).

Pada masa yang sama, Kerajaan komited untuk meneruskan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang juga terbukti memberi manfaat perumahan khusus kepada golongan B40 yang mempunyai tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran. Setakat ini, sebanyak 47,714 unit telah siap dibina.

Selain itu, Kerajaan akan meneruskan program perumahan sedia ada bagi golongan M40 melalui program-program **Rumah Mampu Milik (RMM) dengan harga jualan RM300,000 dan ke bawah** seperti Perumahan Penjawat Awam Malaysia (**PPAM**), program perumahan di bawah Perbadanan PR1MA Malaysia (**PR1MA**) dan **SPNB** yang memberi manfaat kepada golongan M40. Setakat ini, terdapat **23,841 unit PPAM, 21,183 unit perumahan PR1MA dan 27,518 unit Rumah Kediaman SPNB telah siap dibina.**

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, YAB Perdana Menteri pada 24 September 2021 telah melancarkan Inisiatif Kediaman Keluarga Malaysia (Rumah IKRAM Keluarga Malaysia). Sebagai permulaan, sebanyak 2,000 unit rumah sedia ada ditawarkan untuk Rumah IKRAM Keluarga Malaysia di beberapa lokasi PPR di seluruh negara. Penerima manfaat ini seterusnya akan menerima pengecualian bayaran sewaan untuk 6 bulan yang pertama. Seramai 124 orang penerima manfaat Rumah IKRAM Keluarga Malaysia ini telah menerima surat tawaran, manakala sebanyak 1,876 unit rumah lagi akan dibuat pengisian secara berperingkat tertakluk kepada permohonan yang diterima.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 08 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan hambatan yang dihadapi oleh Malaysia dalam MoU dengan pihak Indonesia dalam pengambilan pembantu rumah sejak tahun 2016. Berapa orang pekerja rumah telah direkrut di bawah program “Maid Online” sejak sistem “Maid Online” dilaksanakan pada tahun 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga 28 Februari 2021, seramai 73,173 pekhidmat domestik Indonesia yang masih bekerja di Malaysia. Penggajian pekhidmat domestik dari Indonesia di Malaysia adalah jumlah terbesar selepas penggajian domestik negara Filipina (Sumber: My IMMs, Jabatan Imigresen Malaysia, 2021).

Berdasarkan sumber data yang diperolehi daripada Kementerian Dalam Negeri, pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara Pembantu Rumah Asing (PLKS PRA) melalui Sistem *Maid Online* (SMO) pada 1 Januari hingga 15 Oktober 2021 adalah sebanyak 867. Jumlah ini merangkumi sembilan buah negara termasuklah Indonesia. Daripada pecahan 867 tersebut, pengeluaran PLKS PRA melalui SMO bagi Indonesia adalah sebanyak 564 permohonan, iaitu permohonan paling banyak berbanding negara-negara lain.

Sejak tahun 2006, pengambilan dan penggajian pekhidmat domestik Indonesia untuk bekerja di Malaysia dilakukan melalui beberapa siri Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia. *Protocol Amending MoU 2011* telah berakhir pada 30 Mei 2016. Beberapa siri rundingan telah diadakan pada November 2017 dan November 2018, namun gagal memuktamadkan MoU baharu.

Seterusnya, satu mesyuarat duahala *Joint Working Group* (JWG) yang dijadualkan pada November 2019 di Kuala Lumpur untuk memuktamadkan MoU baharu bagi pengambilan dan penggajian pekhidmat domestik Indonesia ke Malaysia telah ditangguhkan berikutan isu-isu yang tidak mendapat kesepakatan antara kedua-dua belah pihak. Antara isu-isu tersebut ialah Sistem *Maid Online*, *One Maid One Task* dan kos perekrutan yang tinggi.

SOALAN NO: 14

Terkini, satu perbincangan telah diadakan pada 23 Julai 2021 di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia mengenai Draf MoU Penggajian dan Perlindungan Pekhidmat Domestik Indonesia di Malaysia. Secara prinsipnya, Malaysia menyatakan bahawa '*One Channel System*' seperti yang diusulkan dalam draf MoU merujuk pada proses perekrutan yang akan dilakukan oleh sistem dalam talian yang digunakan oleh Kerajaan Malaysia. Sistem yang akan digunakan oleh Kerajaan Malaysia ini akan disatukan dengan sistem pengurusan pekerja asing di Indonesia.

Semasa mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknikal (TWG) yang diadakan pada 13 Oktober 2021, Kerajaan Indonesia mensyaratkan penggunaan satu saluran sahaja untuk pengambilan dan penempatan pekhidmat domestik Indonesia di Malaysia. Kerajaan Malaysia telah bersetuju satu saluran pengambilan dan bagi tujuan itu telah memaklumkan bahawa sistem sedia ada iaitu *Foreign Workers Centralised Management System (FWCMS)* akan digunakan. Dalam mesyuarat tersebut juga, pihak Indonesia memohon integrasi dilaksanakan di antara sistem di Indonesia dan sistem FWCMS.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PARLIMEN, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF
[JEMPOL]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan semasa bekas pesakit COVID-19 yang berdepan dengan masalah komplikasi jangka panjang atau '*long COVID-19*' mengikut gejala.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga bulan Oktober 2021, seramai **17,308 bekas pesakit COVID-19** yang discaj daripada hospital telah diberi janji temu rawatan susulan di fasiliti kesihatan bagi tujuan pemantauan dan menerima rawatan bagi gejala *long* COVID-19.

2. Berdasarkan pemantauan ke atas pesakit, terdapat 5 gejala utama yang sering dihidapi pesakit *long* COVID-19 iaitu:

- i) kelesuan (sebanyak 79.4%);
- ii) sesak nafas apabila melakukan aktiviti tertentu (sebanyak 54.1%);
- iii) batuk (sebanyak 17.9%);
- iv) kesukaran tidur (sebanyak 14.5%); dan
- v) rasa resah (*anxiety*) (sebanyak 10.2%).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bilakah Collection Management Organisation (CMO) untuk Sabah dan Sarawak akan di laksanakan sebagai langkah untuk memajukan industri kreatif seni muzik, lagu-lagu dan perfileman yang unik dan berbakat itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gerakan kepada memartabat dan memperkasa hala tuju industri kreatif di Sabah dan Sarawak telah diambil cakna oleh dua (2) persatuan iaitu *Sabah Composers and Music Video Makers Association* (SCORE) mewakili pemain industri di Sabah dan Labuan, dan Persatuan Armada Anak Seni Sarawak (ARAS) mewakili pemain industri di Sarawak. Kedua-dua persatuan ini telah menubuhkan *Music Rights Sabah Berhad* (MRS) dan *Music Rights Sarawak Berhad* (MRSB) untuk memenuhi hasrat beroperasi sebagai '*collective management organization*' dengan izin atau suatu badan pelesenan bagi mewakili penggiat-penggiat seni kategori muzik, rakaman bunyi dan pelaku rakaman di Sabah, Sarawak dan Labuan.

MRS dan MRSB telah mengemukakan permohonan kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) masing-masing pada 15 November 2019 dan 23 Disember 2020 untuk dipertimbangkan bagi perisytiharan sebagai badan pelesenan di bawah peruntukan Seksyen 27A, Akta Hak Cipta 1987 dan seterusnya dapat mengurus tadbir badan pelesenan yang berpusat masing-masing di Sabah dan Sarawak agar ekosistem pengurusan dan pentadbiran industri muzik tempatan dapat dikoordinasi dan diselaras dengan lebih baik di rantau Borneo.

Kedua-dua pihak ini, MRS dan MRSB telah memberikan komitmen yang baik dalam menyempurnakan beberapa dokumen pematuhan tambahan yang perlu dilengkapkan. Mengambil kira kekangan berikutan situasi pandemik Covid-19, MRS dan MRSB memerlukan lebih masa untuk menyediakan dokumen-dokumen tersebut yang perlu dikemukakan kepada MyIPO agar suatu pertimbangan pengisytiharan dapat dimuktamadkan selaras dengan Akta Hak Cipta 1987. Dijangka proses ini dapat disempurnakan dalam masa yang terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI
DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN
[BEAUFORT]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi inisiatif kepada majikan-majikan yang memerlukan pekerja untuk menggaji warga emas yang masih berkemampuan bagi mengisi kekosongan jawatan akibat daripada kekurangan pekerja asing ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah pakej terbaharu yang diumumkan oleh Kerajaan iaitu **Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)**, Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO telahpun melaksanakan beberapa inisiatif untuk tempoh mulai 15 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021 bagi membantu majikan-majikan yang memerlukan pekerja termasuk menggaji warga emas yang masih berkemampuan bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada.

Di antaranya adalah melalui program di bawah **Penjana Kerjaya 3.0** yang bertujuan menyediakan peluang kerjaya iaitu inisiatif bagi membantu golongan mudah terjejas dengan memberi dorongan kepada majikan untuk membuat **pengambilan pekerja berusia 40 tahun ke atas**, OKU dan bekas banduan dengan tempoh kontrak penggajian dikurangkan daripada satu (1) tahun kepada enam (6) bulan.

Kerajaan turut meluaskan **Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)** meliputi golongan yang tidak mencarum dengan PERKESO termasuklah pekerja sektor tidak formal yang dikenali sebagai **SIP Prihatin 2.0**. Pencari kerja yang belum mencarum dengan PERKESO perlu mendaftar di Portal Pekerjaan Negara, MyFutureJobs dan perlu menghadiri temuduga terbuka sekurang-kurangnya tiga (3) kali dalam tempoh dua bulan. **Insentif EMP akan diberikan sebanyak RM300 sebulan**. Sekiranya pencari kerja kembali bekerja atau mendapat pekerjaan melalui MyFutureJobs, **jumlah insentif sebanyak RM400** akan turut diberikan.

Kerajaan melalui PERKESO telah menyediakan program-program di bawah **Sistem Insurans Pekerjaan** bagi peningkatan modal insan dan kebolehpasaran pekerja seperti khidmat kaunseling kerjaya, *Skills Profiling*, penulisan *resume*, *mock interview*, latihan kemahiran bahasa dan penyampaian serta seminar pekerjaan. Dengan inisiatif-inisiatif ini, kebolehpasaran mereka akan ditingkatkan dan meluaskan peluang mereka memasuki pasaran kerja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa kegiatan pinjaman wang Ahlong tidak berlesen masih berleluasa dan sama ada pihak polis ada mengambil tindakan terhadap kegiatan mereka. Mereka boleh dikesan dengan senang melalui iklan nombor telefon mereka di merata-rata tempat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi membanteras dan mengekang kegiatan Ah Long, polis menjalankan operasi berterusan iaitu “Op Vulture” untuk mematahkan sindiket-sindiket Ah Long. Pihak yang membantu meminjamkan akaun bank atau membantu mengedarkan risalah, poster, kad pinjaman atau sepanduk juga diberkas dan boleh dituduh di bawah seksyen 29AA Akta Pemberi Pinjam Wang (APPW) 1951 iaitu larangan membantu pemberi pinjam wang tidak berlesen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tahun 2020, sebanyak 1,085 kes manakala bagi tempoh Januari hingga September 2021, sebanyak 762 kes telah direkodkan yang melibatkan ceti haram atau Ah Long.

Dari segi tangkapan pula, pada tahun 2020, seramai 1,071 telah ditangkap dan sebanyak 247 pertuduhan dilaksanakan. Bagi tempoh Januari hingga September 2021 pula, tangkapan adalah sebanyak 890 orang dan 140 pertuduhan telah dijalankan di mahkamah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA 2021 PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI
ZAKARIA (PARIT)**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA minta **MENTERI PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan

- a) adakah terdapat sebarang kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengenal pasti punca utama ketidak mampuan rakyat untuk memiliki rumah; dan
- b) adakah Kementerian sedar bahawa harga rumah yang dibina tidak sepadan dengan tahap pendapatan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan mengenai masalah ketidakmampuan rakyat untuk memiliki rumah dan ketidaksepadanan harga rumah dengan pendapatan rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memastikan semua rakyat mempunyai rumah sama ada secara dimiliki mahupun secara sewaan. Kementerian juga sangat prihatin terhadap golongan B40 dan M40 yang berhadapan dengan kesukaran mendapatkan pembiayaan bagi membeli rumah pertama.

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, KPKT sentiasa berusaha untuk mengenal pasti punca dan permasalahan ketidakmampuan rakyat untuk memiliki rumah. Kajian-kajian yang dilaksanakan oleh KPKT dan rakan-rakan strategik institusi penyelidikan seperti Institut Penyelidikan Khazanah (Khazanah Research Institute, KRI) dan REHDA *Institute* (RI) menjadi teras dalam pembangunan Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018-2025 dan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM). Berdasarkan dapatan kajian, DRMM telah digubal bagi menyediakan perumahan mampu milik yang sistematik, mampan dan inklusif bagi memenuhi tanggungjawab sosial untuk meningkatkan akses rumah kepada rakyat.

Antara punca utama ketidakmampuan rakyat untuk memiliki rumah adalah:

- i. **Ketidaksepadanan harga rumah dan kemampuan pembiayaan rakyat mengikut lokaliti**

Bagi mengatasi isu ini, Kementerian sedang mengambil langkah-langkah berikut:

SOALAN NO : 19

- a) memperkenalkan peraturan/garis panduan kepada para pemaju perumahan untuk mengemukakan kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*) semasa memohon Kebenaran Merancang (KM). Hasil kajian ini dapat membantu mengelak daripada berlakunya sebarang pembangunan perumahan yang tidak relevan dengan permintaan pasaran; dan
- b) pembangunan sistem Analisis Data Raya (*Big Data Analytics*; BDA) Perumahan bagi mendapatkan gambaran sebenar kedudukan dan ketersediaan data berkaitan sektor perumahan di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian ini telah dimulakan pada bulan Februari 2021. Hasil kajian ini akan menentukan hala tuju pembangunan sistem BDA dengan objektif seperti berikut:
 - i. membantu untuk mengetahui kedudukan pasaran perumahan hartanah yang lebih jelas dan tepat demi pembangunan sektor hartanah yang lestari dan efisien;
 - ii. dijadikan input bagi pembangunan platform pusat pengumpulan data hartanah yang meliputi permintaan dan penawaran; dan
 - iii. membantu pihak Kerajaan dalam membuat keputusan di peringkat Persekutuan dan kerajaan negeri dalam penyediaan dasar dan perancangan perumahan negara yang lebih komprehensif.

ii. Bekalan Rumah Mampu Milik yang terhad

Selaras dengan strategi RMKe-12 yang baru sahaja diumumkan iaitu meningkatkan bekalan Rumah Mampu Milik (RMM) kepada kumpulan sasaran (Strategi C1), KPKT akan memastikan pelaksanaan projek-projek perumahan di seluruh negara terutamanya projek RMM bagi golongan B40 dan M40 terus diberi perhatian, dan lebih inklusif serta mempunyai

SOALAN NO : 19

infrastruktur lengkap dan berkualiti. Antara strategi yang akan dilaksanakan dalam tempoh RMKe-12 untuk memastikan bekalan RMM yang mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat adalah seperti berikut:-

- a) mewujudkan dan menyediakan perundangan/akta/polisi agar memenuhi keperluan industri hartanah dan perlindungan kepada pembeli serta penyewa rumah;
 - b) menyediakan RMM yang berkualiti, selesa dan kondusif;
 - c) melaksanakan rasionalisasi program subsidi/bantuan program perumahan mampu milik kerajaan;
 - d) mewujudkan mekanisme untuk mengimbang penawaran dan permintaan industri perumahan negara berasaskan teknologi ICT;
 - e) mewujudkan mekanisme untuk mengurangkan harga rumah di pasaran;
 - f) menstruktur dan memperkemas organisasi yang mengawal selia pengurusan strata dan penyelenggaraan; dan
 - g) mengaplikasikan teknologi baharu yang lebih kos efektif.
- b. KPKT sememangnya sedar berhubung masalah ketidaksepadanan harga rumah dengan keupayaan pembeli. Merujuk kepada DRMM, kemampuan memiliki rumah adalah berdasarkan standard pengukuran antarabangsa iaitu gandaan median (*Median Multiple*) yang turut digunakan oleh World Bank dan Bank Negara. Formula pengiraan *Median Multiple* yang diguna pakai adalah gaji penengah x 12 bulan x 3. Kategori kemampuan pemilikan rumah di Malaysia adalah sekitar 4.0 dan 5.0 dari tahun 2002 hingga 2019, nilai ini melebihi paras ambang 3.0 untuk kemampuan memiliki rumah. Berdasarkan Tinjauan

SOALAN NO : 19

Pendapatan Isi Rumah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2019, harga rumah yang dianggap mampu milik maksimum di Malaysia dianggarkan pada RM211,428 (gandaan median 3.0) kerana pendapatan isi rumah median negara ialah RM5,873. Walau bagaimanapun, harga rumah median sebenar ialah RM289,646 yang mana nilai ini melebihi kemampuan pendapatan purata isi rumah di Malaysia.

Agenda pemilikan rumah di Malaysia sentiasa memberi tumpuan kepada akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). KPKT juga komited untuk memastikan bekalan RMM yang mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PARLIMEN, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAKAN]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021(ISNIN)

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini cadangan dan kelulusan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 6 di Pulau Sebatik yang telah diluluskan sejak 2016 serta apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh Kementerian dalam memulakan projek ini yang sangat diperlukan oleh penduduk-penduduk Pulau Sebatik, Tawau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 6) dengan Kuarters di Pulau Sebatik diluluskan berikutan Klinik Kesihatan Sungai Tamang Pulau Sebatik, Tawau, Sabah tidak lagi beroperasi mulai 31 Mac 2014 atas faktor hakisan tanah. Operasi klinik tersebut telah dipindahkan sementara ke Klinik Desa Sungai Tongkang mulai 8 September 2014 yang terletak 15 kilometer melalui jalan darat dan 15 minit melalui jalan laut dari Klinik Kesihatan Sungai Tamang.
2. Antara halangan yang menjadi punca kelewatan projek ini ialah status pemilikan tanah yang hanya selesai diwartakan pada 8 Ogos 2019. Keluasan tapak yang diluluskan adalah 2.88 ekar, namun terdapat rizab jalan di antara tapak tersebut yang menyukarkan pihak JKR untuk menyediakan lukisan pembinaan.
3. Sehubungan itu, bagi bagi menempatkan kesemua skop yang diperlukan oleh Klinik Kesihatan Jenis 6, JKR Sabah telah menyediakan lukisan pembinaan terkini dengan membuat penjajaran semula rizab jalan tersebut.
4. Projek ini dijadualkan ditender pada bulan Januari 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta MENTERI
SUMBER MANUSIA menyatakan :-**

(a)jumlah pengangguran terkini ; dan

(b)apakah perancangan Kerajaan terhadap isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan data terkini kaji selidik Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), **kadar pengangguran pada Ogos 2021** menurun sebanyak 0.2 mata peratus kepada **4.6 peratus** berbanding Julai yang merekodkan 4.8 peratus. Bilangan penganggur yang dicatatkan pada bulan Ogos 2021 adalah seramai 748,800 orang, iaitu pengurangan sebanyak 3.8 peratus atau 29,400 orang berbanding 778,200 orang pada bulan Julai 2021.

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menambah baik langkah-langkah sedia ada dan mewujudkan lebih banyak program atau mekanisme bagi membantu rakyat untuk mengurangkan kadar pengangguran rakyat Malaysia. Beberapa inisiatif telah diperkenalkan di bawah **Pakej Rangsangan Ekonomi** untuk membantu kelangsungan hidup rakyat dan perniagaan.

Kerajaan melalui Majlis Pekerjaan Negara (National Employment Council - NEC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bertindak melaksanakan dasar dan program bagi mewujudkan sumber pendapatan baharu di samping mengekalkan pekerjaan sedia ada di seluruh negara.

Bagi memperkasa tenaga kerja Malaysia agar lebih berdaya tahan, berkemahiran tinggi dan tersohor di peringkat antarabangsa, Kerajaan akan melaksanakan Pelan Strategik Penciptaan Pekerjaan Nasional melalui enam (6) teras utama iaitu:

- i. Meningkatkan kerjasama antara industri dan akademik
- ii. Memupuk bakat bagi memenuhi keperluan industri

SOALAN NO : 21

- iii. Memperkasa usahawan tempatan untuk maju dalam ekonomi semasa
- iv. Memanfaatkan 'ekonomi gig' untuk pencarian peluang penjanaaan pendapatan
- v. Memacu pertumbuhan sektor baharu dan moden
- vi. Mempercepat penerapan amalan tempat kerja moden

Teras-teras tersebut akan menjadi panduan bagi pelaksanaan *game changers* termasuk mengaplikasikan teknologi kepintaran buatan (*artificial intelligence*) untuk tujuan pepadanan dan perancangan kerjaya di samping meningkatkan kebolehpasaran.

Dalam usaha untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan dan juga sumber pendapatan, Kerajaan telah memperluaskan **Elaun Mencari Pekerjaan** kepada bukan pencarium PERKESO terutamanya graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal. Elaun sekurang-kurang RM300 diterima apabila mereka mendaftar di bawah platform MyFutureJobs.

Kerajaan juga telah memperluaskan skop insentif pengambilan pekerja untuk meliputi pekerjaan sementara dan pekerjaan *gig* oleh PERKESO iaitu:

- (i) menyediakan peruntukan RM300 juta yang akan memanfaatkan 60,000 pekerja, di mana setiap pekerja akan menerima RM600 sebulan selama tempoh maksimum enam (6) bulan; dan
- (ii) bagi majikan yang menawarkan pekerjaan jangka pendek ataupun platform penyedia perkhidmatan gig yang berdaftar dengan PERKESO, mereka akan menerima RM200 bagi setiap pekerja yang ditempatkan.

SOALAN NO : 21

Kementerian melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) juga telah melancarkan inisiatif **PENJANA HRDCorp**. Lima (5) skim telah diperkenalkan yang terdiri daripada **Place & Train, B40 Development, SME Development, Industrial Revolution 4.0** dan **Gerak Insan Gemilang (GIG)**. Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM125 juta bagi melaksanakan inisiatif *Place & Train* terutamanya kepada belia lepasan sekolah dan graduan. Inisiatif ini membuka peluang kepada 30 ribu orang untuk mengikuti program latihan dengan jaminan pekerjaan setelah tamat latihan.

Skim-skim ini diwujudkan untuk membantu rakyat mendapat penempatan pekerjaan, *self-employed* serta menambah dan meningkatkan kemahiran mereka. Setakat 20 Ogos 2021, PSMB telah meluluskan sebanyak **85,527 pelatih** bagi mengikuti skim-skim yang melibatkan penempatan pekerjaan dan pekerjaan sendiri ini.

PSMB juga menubuhkan **HRDCorp Placement Centre (HPC)** yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia oleh majikan. Setakat Ogos 2021, sebanyak **35,820 peluang pekerjaan tersedia** melalui HPC dan lebih **4,000 pekerja berjaya** ditempatkan melalui inisiatif ini.

Selain pekerja, majikan yang terjejas juga turut dibantu oleh Kerajaan untuk meneruskan kelangsungan operasi perniagaan. Pelaksanaan **Program Subsidi Upah 4.0** dengan peruntukan sebanyak RM3.8 bilion memanfaatkan lebih 2.5 juta pekerja.

Selain itu, majikan yang tidak dapat beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diberi **pengecualian levi HRDCorp** bagi tempoh dua (2) bulan. Manakala, bagi majikan daripada sektor-sektor yang baharu dirangkum dalam peluasan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 turut diberi pelanjutan pengecualian levi sehingga 31 Disember 2021.

SOALAN NO : 21

Kerajaan melalui program **PenjanaKerjaya 3.0** melaksanakan beberapa penambahbaikan antaranya:

- a) program *Malaysianisation* sebagai dorongan kepada majikan untuk mengambil pekerja tempatan bagi menggantikan pekerja asing;
- b) tempoh kontrak penggajian juga dilonggarkan daripada 12 bulan kepada enam (6) bulan bagi kategori pekerja berusia 50 tahun ke atas, golongan OKU dan bekas banduan; dan
- c) peluasan insentif pengambilan pekerja meliputi pekerjaan gig atau sementara untuk golongan penganggur tegar.

Selain itu, **Sistem Insurans Pekerjaan di bawah PERKESO** juga menyediakan program-program bagi peningkatan modal insan dan kebolehpasaran pekerja seperti khidmat kaunseling kerjaya, *Skills Profiling*, penulisan *resume*, *mock interview*, latihan kemahiran bahasa dan penyampaian serta seminar pekerjaan. Dengan inisiatif-inisiatif ini, kebolehpasaran mereka dapat ditingkatkan dan meluaskan peluang memasuki pasaran kerja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN
KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesiapsiagaan Kerajaan untuk pembelian ubat antiviral keluaran syarikat farmaseutikal Merck yang dikatakan berpotensi mengurangkan risiko kematian COVID-19 dan kadar kemasukan ke hospital sehingga 50 peratus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Syarikat Merck Sharp & Dohme (MSD) (Malaysia) Sdn. Bhd. telah membentangkan cadangan penggunaan ubat oral antiviral Molnupiravir dalam rawatan COVID-19 kepada Kementerian Kesihatan pada 28 September 2021 (Selasa).
2. Susulan itu, *Confidentiality Agreement* telah ditandatangani pada 4 Oktober 2021 bagi membolehkan rundingan awal dimulakan dengan Kementerian Kesihatan bagi perolehan ubat oral antiviral Molnupiravir keluaran syarikat MSD.
3. Lanjutan itu, pada 7 Oktober 2021, Kementerian Kesihatan telah menandatangani *Letter of Undertaking* dengan syarikat MSD bagi mendapatkan 150,000 *courses* ubat oral antiviral Molnupiravir.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Berhubung keberkesanan ubat Molnupiravir, Syarikat Merck Sharp & Dohme (MSD) (Malaysia) Sdn. Bhd. juga telah berkongsi data kajian klinikal fasa III (MOVE-OUT) dengan Kementerian Kesihatan pada 5 Ogos 2021. Berdasarkan data awal kajian klinikal yang telah dijalankan di 82 tapak kajian melibatkan 14 negara, ubat antiviral Molnupiravir telah menunjukkan pengurangan risiko sehingga 50% untuk kemasukan ke hospital atau kematian, berbanding dengan *placebo*.
5. Walau bagaimanapun, penggunaan Molnupiravir di Malaysia bagi rawatan penyakit COVID-19 adalah tertakluk kepada penilaian keselamatan, keberkesanan dan kualiti oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) serta kelulusan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (BPKD).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN (ROMPIN)

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai cadangan Kementerian untuk meminda perlembagaan berkaitan taraf kewarganegaraan secara undang-undang kepada kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri bersimpati dengan kes-kes ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki bukan warganegara yang melahirkan anak di luar negara kerana perlembagaan tidak memperuntukkan untuk anaknya diberikan taraf kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang. Namun demikian, Kementerian terikat dengan Perlembagaan dan perundangan sedia ada dalam negara berhubung dengan kewarganegaraan yang diperuntukkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964].

Kementerian berada dalam keadaan terhimpit di atas keputusan

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Suriani Kempe & 6 lagi - lawan- Kerajaan Malaysia dan juga kes Mahisha Sulaiha Abdul Majeed -lwn- Ketua Pengarah Pendaftaran Negara & 2 Lagi berhubung isu pentafsiran perkataan "bapa" dalam Jadual Kedua, Bahagian II, Seksyen 1(b) dan 1(c) Perlembagaan Persekutuan. Keputusan kes ini menyebelahi Kerajaan dan telah dibuat rayuan oleh Mahisha Sulaiha Abdul Majeed kepada Mahkamah Rayuan dan akan dibicarakan pada bulan November 2021.

Setelah menerima keputusan yang berbeza Kementerian bercadang untuk membawa perkara ini bagi mendapat polisi baharu Kerajaan untuk meminda perlembagaan bagi pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur di bawah 21 tahun yang dilahirkan di luar negara oleh ibu bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan bapa bertaraf bukan warganegara secara kuat kuasa undang-undang.

Dalam masa yang sama perkara ini perlu mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja selaras dengan Perkara 159(5) Perlembagaan Persekutuan. Oleh demikian, Kementerian telah mengambil keputusan untuk merayu dan memohon *stay of execution* (iaitu penangguhan pelaksanaan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Suriani Kempe & 6 lagi - lawan- Kerajaan Malaysia) bagi mengelakkan *contempt of court* dan pada masa yang sama supaya tidak melanggar Perlembagaan Persekutuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU minta **KEMENTERIAN KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian kepada rakyat yang tidak mahu menerima suntikan vaksin COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, penerimaan vaksin COVID-19 adalah secara sukarela, yang mana setiap penerima vaksin perlu menandatangani borang persetujuan sebelum menerima suntikan vaksin COVID-19.
2. Buat masa ini, tiada tindakan perundangan dan penguatkuasaan yang boleh diambil ke atas individu yang enggan menerima vaksin berikutan masih belum ada keperluan untuk mewajibkan suntikan vaksin COVID-19 ke atas seluruh rakyat Malaysia.
3. Walau bagaimanapun, bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Awam mewajibkan pengambilan vaksin melalui arahan pentadbiran, dan pegawai awam yang masih belum mengambil suntikan vaksin selepas 1 November 2021 tanpa mendapatkan pengecualian daripada pegawai perubatan kerajaan, boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menggalakkan penerimaan vaksin COVID-19 di kalangan masyarakat, antaranya adalah:
 - i) memberi pelbagai kemudahan kepada penerima vaksin lengkap, seperti dibenarkan makan di restoran, melakukan aktiviti sukan, berekreasi dan melancong ke destinasi domestik tertentu serta pemendekan tempoh kuarantin wajib daripada 10 hari kepada 7 hari;
 - ii) memudahkan penerimaan vaksin oleh masyarakat dengan menjalankan aktiviti *outreach* ke kawasan kampung dan pedalaman, serta menjalankan aktiviti pemberian suntikan vaksin di rumah bagi individu yang terlantar. Pemberian vaksin juga dilaksanakan secara *walk-in* di beberapa kawasan dan dilaksanakan di tempat kerja bagi industri dengan tenaga kerja yang besar;

- iii) menggunakan vaksin satu dos seperti vaksin CanSino bagi memudahkan capaian vaksin yang menyeluruh kepada masyarakat terutama di kawasan pedalaman dan pulau, perkampungan Orang Asli, pendatang asing tanpa izin (PATI), Pusat Tahanan Imigresen dan penjara;
- iv) menggiatkan aktiviti libat urus (*engagement*), promosi dan pendidikan kesihatan bersama masyarakat bagi menjelaskan sebarang kemusykilan dan kekeliruan; dan
- v) menjalankan aktiviti libat urus dengan ketua komuniti seperti Tok Batin, penghulu, ketua kampung atau wakil penduduk bagi membantu menyakinkan penduduk setempat mengenai kepentingan pengambilan vaksin COVID-19.

5. Inisiatif yang dilaksanakan Kerajaan ini telah menunjukkan hasil, yang mana sehingga 4 November 2021, **97.8% penduduk dewasa** di Malaysia telah menerima **sekurang-kurangnya satu dos**, manakala **95.8% penduduk dewasa telah lengkap** menerima suntikan vaksin COVID-19; dan **83.4% remaja berumur 12 hingga 17 tahun** di Malaysia telah menerima **sekurang-kurangnya satu dos**, manakala **70.2% remaja ini telah lengkap** menerima vaksinasi.

6. Ini menjadikan jumlah keseluruhan penduduk Malaysia yang telah menerima sekurang-kurangnya satu dos adalah sebanyak 78.1% manakala yang telah menerima vaksinasi lengkap sebanyak 75.4%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG minta **KEMENTERIAN KESIHATAN** menyatakan kos dan jumlah vaksin yang dibeli, kadar vaksinasi dalam negara serta bentuk tindakan perundangan dan penguatkuasaan ke atas mereka yang enggan menerima vaksin. Nyatakan bilangan kematian COVID-19 sungguhpun telah mendapat satu atau dua dos vaksin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, sehingga 31 Oktober 2021, Kerajaan telah membuat perolehan vaksin COVID-19 yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak **RM4.61 billion** dengan jumlah keseluruhan dos vaksin yang diperolehi sebanyak **87.9 juta dos**.
2. Sehingga 4 November 2021, kadar vaksinasi dalam negara adalah:
 - i) **97.8% penduduk dewasa** di Malaysia telah menerima **sekurang-kurangnya satu dos**, manakala **95.8% penduduk dewasa telah lengkap** menerima suntikan vaksin; dan
 - ii) **83.4% remaja berumur 12 hingga 17 tahun** di Malaysia telah menerima **sekurang-kurangnya satu dos**, manakala **70.2% remaja telah lengkap** menerima suntikan vaksin.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Untuk makluman, penerimaan vaksin COVID-19 adalah secara sukarela, yang mana setiap penerima vaksin perlu menandatangani borang persetujuan sebelum menerima suntikan vaksin COVID-19. Buat masa ini masih belum ada keperluan untuk mewajibkan suntikan vaksin COVID-19 ke atas seluruh rakyat Malaysia. Sehubungan itu, tiada tindakan perundangan dan penguatkuasaan yang diambil ke atas individu yang enggan menerima vaksin.
4. Walau bagaimanapun, bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mewajibkan pengambilan vaksin melalui arahan pentadbiran, dan bermula 1 November 2021 pegawai awam yang masih belum mengambil suntikan vaksin tanpa mendapatkan pengecualian daripada pegawai perubatan kerajaan, boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Mengikut pelaporan kematian COVID-19 Kebangsaan, sehingga 26 Oktober 2021, bilangan **kematian disebabkan oleh jangkitan COVID-19** di Malaysia adalah **28,576 kematian (iaitu pada kadar 1.16%)**.

6. Selain itu, **bilangan kematian mengikut status vaksinasi** berdasarkan kepada **tempoh vaksinasi lengkap daripada tarikh pemberian vaksin fasa pertama di Malaysia iaitu bermula 1 April 2021** adalah seperti berikut:

- i) Belum divaksinasi: **18,121 kematian** (iaitu 67%);
- ii) Satu dos vaksinasi (bagi vaksin 2 dos): **5,290 kematian** (iaitu 19%);
- iii) Dua dos vaksinasi (kurang 14 hari): **785 kematian** (iaitu 3%);
dan
- iv) Lengkap vaksinasi (termasuk jenis vaksin 1 dos): **3,028 kematian** (iaitu 12%).

7. Dalam kalangan populasi penerima 2 dos vaksinasi, kadar kematian adalah **0.016% bersamaan 160 orang bagi 1 juta populasi di Malaysia**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan rancangan Kementerian untuk memberdayakan semula para usahawan khususnya dalam kalangan PMKS yang gulung tikar disebabkan oleh pelaksanaan PKP 3.0.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) komited dalam membantu usaha pemulihan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang telah gulung tikar akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0)

2. Bagi tujuan tersebut, MEDAC telah menyediakan skim pembiayaan bagi membantu PMKS yang gulung tikar, antaranya seperti:

- (i) Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro 2.0 (CBRM 2.0) di bawah TEKUN yang menyediakan pembiayaan sehingga RM20 ribu.
- (ii) Skim Pembiayaan PKS BRFlex-i di bawah Bank Rakyat yang menyediakan pembiayaan sehingga RM1 juta.
- (iii) Projek Jadi Usahawan Berjaya (*Be Your Own Boss* (BYOB) di bawah Pernas yang menyediakan pembiayaan sehingga RM500 ribu.

3. MEDAC juga telah mengambil ketetapan supaya proses permohonan pembiayaan bagi dana Kerajaan di bawah agensi MEDAC tidak akan mengambil kira penilaian CTOS dan CCRIS dalam tempoh pandemik ini.

4. Selain itu, tempoh kelulusan pembiayaan termasuk proses penyaluran juga disegerakan dan kriteria permohonan dipermudahkan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG minta **MENTERI KESIHATAN** memberikan perincian kes-kes COVID-19 di setiap daerah di Perak dan peratusan vaksinasi dan jenis vaksin yang digunakan di setiap daerah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebanyak **112,990 kes COVID-19** dilaporkan pada 1 Januari 2021 sehingga 31 Oktober 2021 di negeri Perak. Pecahan kes mengikut daerah adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Perincian kes COVID-19 mengikut daerah di negeri Perak

Daerah	Jumlah kes
Kampar	313
Manjung	10,773
Hilir Perak	7,738
Kinta	3,819
Muallim	4,214
Perak Tengah	8,440
Batang Padang	33,735
Hulu Perak	7,458
Bagan Datuk	19,755
Larut, Matang & Selama	11,444
Kuala Kangsar	2,905
Kerian	2,396
Jumlah	112,990

2. Sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak **1,843,141** (iaitu 73.4%) telah menerima satu dos vaksin COVID-19, manakala **1,785,721** (iaitu 71.1%) telah menerima dos lengkap di negeri Perak. Jenis vaksin yang diperolehi adalah vaksin Pfizer (sebanyak 71.8%), vaksin Sinovac (sebanyak 23.3%), vaksin AstraZeneca (sebanyak 4.3%) dan vaksin CanSino (sebanyak 0.6%). Status agihan bekalan vaksin mengikut daerah di negeri Perak adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2: Status agihan bekalan vaksin mengikut daerah di negeri Perak sehingga 31 Oktober 2021.

Daerah	Status Agihan Dos Vaksin (Februari - 31 Oktober 2021)				Jumlah	Jumlah Agihan Dos (Februari - 31 Oktober 2021)
	Comirnaty	Coronavac	AstraZeneca	Cansino		
Larut, Matang & Selama	492,264	88,440	49280	1,250	631,234	15%
Hulu Perak	100,136	56640	0	6,500	163,276	4%
Kerian	163,158	65,160	11440	0	239,758	6%
Kuala Kangsar	121,834	68,080	11990	5,300	207,204	5%
Kinta	1,053,348	260,144	66770	1,000	1,381,262	33%
Perak Tengah	96,678	57,640	7480	1,250	163,048	4%
Kampar	135,024	63,080	17820	1,200	217,124	5%
Hilir Perak	411,930	115,040	6820	0	533,790	13%
Manjung	249,474	91,080	7920	0	348,474	8%
Batang Padang	104,382	70,960	0	3,500	178,842	4%
Muallim	63,660	34,760	0	2,000	100,420	2%
JUMLAH	2,991,888	971,024	179,520	22,000	4,164,432	100%

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI AZALINA OTHMAN SAID
(PENGERANG)**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [PENGERANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mendapatkan maklum balas daripada pemegang taruh seperti Majlis Peguam sebelum melakukan pindaan ke atas akta-akta keselamatan seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, Akta Pencegahan 1959, Akta Pencegahan Keganasan 2015 dan Akta Hasutan 1948.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan berpandangan bahawa undang-undang keselamatan dan pencegahan yang berada di bawah tanggungjawab Kementerian ini termasuklah Akta Pencegahan Keganasan 2015 Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan Akta Hasutan 1948 masih relevan dan penting bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih memerlukan undang-undang sedemikian agar tindakan segera boleh diambil untuk mengelakkan sebarang kegentaran awam, perselisihan antara kaum dan ancaman kepada kesejahteraan rakyat. Walaupun begitu, Kementerian komited untuk menambahbaik undang-undang tersebut dari semasa ke semasa bagi memastikan keamanan dan keselamatan Negara sentiasa terpelihara. Usaha-usaha penambahbaikan terhadap undang-undang tersebut berterusan dari semasa ke semasa.

Pihak kementerian akan mendapatkan maklum balas dari pihak-pihak berkepentingan sebelum sebarang cadangan pindaan terhadap mana-mana akta dimuktamadkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN NATRAH BT. ISMAIL (SEKIJANG)

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [SEKIJANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah depot tahanan untuk pelarian warga asing yang ada di negara ini dan berapa jumlah terkini pelarian warga asing yang didaftarkan mengikut kategori negara asal, jantina dan umur.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia tidak memperuntukkan depot imigresen khusus untuk mana-mana kumpulan.

Sehingga 31 Julai 2021, terdapat 179,455 orang pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar dengan Pejabat *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) Malaysia. Daripada jumlah tersebut, majoriti merupakan warganegara Myanmar dengan jumlah seramai 154,863 orang (86%), diikuti oleh warganegara Pakistan iaitu 6,641 orang (4%), warganegara Yaman iaitu 3,696 orang (2%), warganegara Syria iaitu 3,273 orang (2%) dan warganegara Somalia iaitu 3,245 orang (2%).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN
KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED
ABDUL RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kedudukan Malaysia berkenaan dasar penggunaan hemp atau '*medical marijuana*' sebagai salah satu bentuk perubatan alternatif yang boleh ditawarkan kepada pesakit sebagaimana ia telah dilaksanakan di banyak negara luar dan diiktiraf untuk komuniti perubatan antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, akta sedia ada yang mengawal selia kanabis dan hasilnya di Malaysia iaitu Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952 tidak menghalang penggunaan kanabis bagi tujuan pengubatan. Suatu keluaran yang mengandungi kanabis untuk digunakan bagi tujuan pengubatan manusia boleh diimport dan digunakan di Malaysia sekiranya keluaran yang mengandungi kanabis tersebut dilakukan dengan mematuhi keperluan undang-undang, antaranya adalah:

- (i) keluaran telah didaftarkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sepertimana yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang dibuat di bawah Akta Jualan Dadah 1952;
- (ii) pengimportan keluaran dilakukan oleh pengimport yang mempunyai lesen dan kebenaran import di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, Akta Racun 1952 serta Akta Dadah Berbahaya 1952;
- (iii) penjualan secara borong keluaran produk yang mengandungi kanabis dilakukan oleh penjual yang mempunyai lesen di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, Akta Racun 1952 serta Akta Dadah Berbahaya 1952; dan
- (iv) penjualan atau pembekalan secara runcit untuk rawatan perubatan pesakit tertentu dilakukan oleh pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 kepada pesakitnya atau ahli farmasi berdaftar yang mempunyai lesen Jenis A kepada individu tertentu atas preskripsi yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan berdaftar.

SOALAN NO : 30

2. Justeru, sekiranya terdapat pihak yang mempunyai bukti saintifik yang mencukupi untuk menggunakan kanabis (*hemp*) bagi apa-apa tujuan pengubatan dengan mengambil kira aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanannya, maka permohonan untuk mendaftarkan keluaran mengandungi kanabis (*hemp*) untuk tujuan pengubatan tersebut boleh dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah untuk dinilai dan didaftarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 untuk dipasarkan di Malaysia.

3. Kanabis (*hemp*) turut dikawal di bawah *Single Convention on Narcotic Drugs of 1961* dan tersenarai di bawah Jadual I Konvensyen tersebut. Kawalan utama yang dikenakan ke atas bahan yang tersenarai dalam Jadual I adalah **dihadkan hanya untuk tujuan perubatan dan saintifik** yang melibatkan pengeluaran, pembuatan, eksport, import, pengedaran, perdagangan, penggunaan dan pemilikan.

4. Bagi kanabis (*hemp*) untuk tujuan industri pula, di bawah *Article 28, Single Convention on Narcotic Drugs 1961* menyatakan seperti berikut: “*This Convention shall not apply to the cultivation of the cannabis plant exclusively for industrial purposes (fibre and seed) or horticultural purposes*”.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN
KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG KAH WOH
[IPOH TIMUR]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN WONG KAH WOH minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah justifikasi untuk membenarkan lantikan Pharmaniaga Berhad sebagai pembekal Vaksin Sinovac. Sama ada Pharmaniaga Berhad telah membantu dan memainkan peranan dalam usaha Kerajaan menghasilkan vaksin COVID-19 tersendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Syarikat pengeluar Vaksin CoronaVac iaitu Sinovac Life Sciences Co. Ltd. di Beijing, China telah melantik Syarikat Pharmaniaga LifeScience Sdn. Bhd. untuk mengedarkan vaksin tersebut di Malaysia.
2. Syarikat Pharmaniaga LifeScience Sdn. Bhd. juga merupakan *Product Registration Holder* (PRH) yang telah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) untuk vaksin CoronaVac di Malaysia dan sebagai PRH, syarikat Pharmaniaga LifeScience Sdn. Bhd. bertanggungjawab ke atas urusan pendaftaran, pengimportan, pembekalan dan pasca pendaftaran bagi produk vaksin tersebut di Malaysia.

3. Juterus, urusan perolehan vaksin CoronaVac oleh Kerajaan Malaysia adalah melalui Pharmaniaga LifeScience Sdn. Bhd. sebagai PRH di Malaysia bagi vaksin CoronaVac.

Tuan Yang Dipertua,

4. Berhubung dengan pertanyaan mengenai peranan Pharmaniaga LifeScience untuk membantu usaha Kerajaan menghasilkan vaksin COVID-19 dalam negara, ingin dijelaskan bahawa syarikat tersebut telah mempunyai fasiliti untuk menghasilkan vaksin CoronaVac dengan kaedah "*fill & finish*". Kaedah ini melibatkan pembelian vaksin secara pukal dari negara China dan kemudiannya syarikat ini membuat pengisian ke dalam bebuli atau *vial* dalam keadaan yang sangat steril di kilang syarikat Pharmaniaga Lifescience Sdn. Bhd. Pharmaniaga telah buat pelaburan untuk *fill and finish*.

5. Kaedah ini telah mewujudkan program pemindahan teknologi dari aspek teknologi pembotolan (*fill & finish*), pengendalian, pembungkusan dan penghantaran mengikut kualiti dan peraturan yang sangat ketat. Di samping itu, kaedah ini turut menggalakkan perkongsian kepakaran farmaseutikal antara syarikat China dengan syarikat Malaysia yang boleh membantu meningkatkan kepakaran di kalangan ahli-ahli sains tempatan yang bekerja di kilang syarikat Pharmaniaga LifeScience Sdn. Bhd. Inisiatif ini seterusnya akan menjadi pemangkin dalam usaha Kerajaan untuk menghasilkan vaksin tersendiri pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil berkenaan pendedahan bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Hamid Bador pada bulan Mac, 2021 berkenaan Kartel Polis yang ingin mendominasi pasukan keselamatan demi kepentingan mereka sendiri dan menerima wang daripada sindiket jenayah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan siasatan awal yang dijalankan, tiada timbul sebarang isu kartel dalam kalangan Pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di semua peringkat. Namun demikian, PDRM juga telah menyerahkan perkara ini kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) bagi memastikan satu siasatan yang bebas dan telus.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat memandangkan harga barangan asas seperti ayam, ikan, daging, dan lain-lain telah banyak meningkat selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan sepanjang 20 bulan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa memastikan kawalan ke atas barangan keperluan bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat melalui pemantauan harian oleh Pegawai Penguat Kuasa dan Pegawai Pemantau Harga (PPH). Pemantauan ke atas harga barang harian dan makanan seperti ayam, ikan, sayur-sayuran dilaksanakan oleh PPH melalui pelaporan *Price Alert* secara harian. Dapatan harga ini akan dianalisa dan dilaporkan kepada pengurusan atasan kementerian untuk tindakan lanjut sekiranya terdapat sebarang kenaikan luar biasa yang dikesan akan dibincangkan melalui Mesyuarat Task Force Kementerian yang diadakan secara harian. Pemeriksaan dan tindakan lanjut akan diambil oleh Pegawai Penguat Kuasa daripada maklumat yang dikemukakan.

Jawatankuasa Khas Kajian Rantaian Bekalan Makanan telah ditubuhkan bagi memastikan keberadaan makanan sentiasa stabil dan mencukupi di pasaran. Pemantauan secara berterusan dilaksanakan ke atas 2,711 premis peruncit terpilih (DDR), 1,039 premis pemborong terpilih (DDW) dan 223 premis pengilang/pengeluar terpilih (DDM) bagi memastikan keberadaan bekalan stabil dan mencukupi di pasaran melalui pelaporan harian oleh negeri meliputi 222 Parlimen dan 576 Dewan Undangan Negeri di seluruh Negara. Tindakan secara *soft approach* melalui Surat Pemberitahuan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 9AKHAP) 2011 merupakan pendekatan yang digunakan oleh pihak Kementerian ke arah perundingan secara terus, bersifat seimbang dan tidak menekan peniaga secara tindakan *deterent*. Surat ini dikeluarkan sebagai satu tindakan pemantauan kedudukan harga dan peringatan kepada peniaga supaya tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya dan seterusnya dapat menangani isu kenaikan harga yang terlalu tinggi di pasaran.

Selain itu, kawalan ke atas barangan keperluan semasa musim perayaan turut dibuat melalui pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) yang merangkumi Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Krismas, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai. Semasa pelaksanaan SHMMP, beberapa barangan yang mendapat permintaan tinggi bagi sesuatu perayaan itu akan dikawal harganya untuk tempoh tertentu bagi memastikan Keluarga Malaysia menerima manfaat dan membeli barangan keperluan ini pada harga yang munasabah.

Sepanjang tempoh tahun 2020 hingga Oktober 2021, sejumlah 9,212 tindakan kes berkaitan harga telah dihasilkan yang melibatkan rampasan bernilai RM123,939.00 dengan nilai kompaun sebanyak RM2,804,250.00 dan denda berjumlah RM7,000.00.

Sekian, terima kasih.